

PERSONAL LOAN/PERSONAL FINANCING-i: HLB@WORK 2025/2026 PROMOTION

Last updated on 31 July 2025 ([Versi Bahasa Melayu](#))

PROMOTION PERIOD

The Hong Leong Bank Berhad's (193401000023 (97141-X)) ("**HLB**") and Hong Leong Islamic Bank Berhad's (200501009144 (686191-W)) ("**HLISB**") (collectively referred to as "**the Bank**") "**Personal Loan/Personal Financing-i: HLB@Work 2025/2026 Promotion**" ("**Promotion**") commences on 31 July 2025 and ends on 30 June 2026, both dates inclusive ("**Promotion Period**"), unless specified or notified otherwise.

TERMS & CONDITIONS

The following sets out the terms and conditions applicable to the Promotion ("**T&Cs**");

ELIGIBILITY

1. The Promotion is open to all existing and new Malaysian individual accountholders of the Bank ("**Customers**") who fulfil the following eligibility criteria:
 - (a) Aged between 21 – 60 years old;
 - (b) Employed with a minimum income of Ringgit Malaysia Twenty-Four Thousand (RM24,000) per annum;
 - (c) Have no existing balance in arrears in any of their existing HLB Personal Loan and/or HLISB Personal Financing-i prior to the Promotion Period (applicable for existing Customers only);
 - (d) Received an invitation via E-direct mailer ("**EDM**") and/or approached by any of the appointed Bank staff ("**Staff**") to participate in this Promotion;
 - (e) Customers under the HLB@Work program; and
 - (f) With proof of three (3) months consecutive crediting of salary to HLB Pay&Save Account or HLISB Pay&Save-i Account as reflected in their bank statement.
2. The following are **NOT** eligible to participate in the Promotion:
 - (a) Customers who have committed or are suspected of committing any fraudulent, unlawful or wrongful acts in relation to any of the facilities granted by the Bank or have been declared bankrupt or are subject to any bankruptcy proceedings at any time prior to or during the Promotion Period;
 - (b) Customers who are determined by the Bank to be potentially committing any of the wrongful acts stipulated herein;
 - (c) Permanent and contract employees of the Bank; and
 - (d) Existing Customers who hold more than one (1) existing Facility (as defined in Table 1 below) with the Bank.

PROMOTION MECHANICS

3. In order to participate in this Promotion, the Customers are required to perform the following during the Promotion Period:

- (a) Apply for either (1) one of the following Facility products for the prescribed Facility Amount within the prescribed Facility Tenure as provided in Table 1 below:

Table 1

Facility	Facility Amount*		Facility Tenure
	Minimum Amount	Maximum Amount	
HLB Personal Loan	RM5,000	RM250,000	2 to 5 years
HLISB Personal Financing-i	RM5,000	RM150,000	

*For the avoidance of doubt, the approved Facility Amount may not necessarily be the amount of Facility that the Customer has applied.

Both HLB Personal Loan and HLISB Personal Financing-i are collectively known as **"Facility"** for the purpose of this Promotion.

- (b) Submit the application for the Facility through any one of the following application channels as listed in Table 2 below:

Table 2

Application Channel	Platforms
Offline	Branch walk-in, Telemarketing
Online	HLB's Promotion website at www.hlb.com.my/plpayroll (" Promotion Website ")

For the purpose of this Promotion, Customers who have fulfilled all the criteria under Clause 3 above shall be referred to as **"Eligible Customers"**.

Flat Interest/Profit Rate and Pay-On-Time Rebate on Total Interest/Profit for Facility

A) Flat Interest/Profit Rate on Total Interest/Profit for Facility

4. Eligible Customers whose applications for the Facility have been approved and disbursed no later than 31 July 2026 will be entitled to enjoy a **Flat Interest/Profit Rate** specified in Table 3 below.

Table 3

Flat Interest/Profit Rate	Pay-On-Time Rebate on Total Interest/Profit	Facility Tenure
10.00% p.a.	50%	2 to 5 years

Note: The effective interest/profit rate applicable to flat interest/profit rate of 10.00% p.a. varies from 18.71% p.a. to 19.75% p.a. for loan/financing-i tenure from 2 to 5 years unless specified otherwise.

For the avoidance of doubt, the Eligible Customers will be notified by the Bank via email of their entitlement to the Flat Interest/Profit Rate once their applications have been approved.

B) Pay-On-Time Rebate on Total Interest/Profit for Facility

5. Eligible Customers who fulfil the criteria under Clauses 3 and 4 above and pay their Facility's monthly instalment amount by the due date of each month during the Facility Tenure ("**Qualified Customer**") will be entitled to a further Pay-On-Time Rebate on their total interest/profit payable ("**Rebate**") as specified in Table 3 above.
6. The Rebate will be credited monthly to the Facility account of the Qualified Customers after the thirteenth (13th) month instalment's due date and subsequent months thereafter until the sixth (6th) month before the final instalment of the Facility ("**Rebate Period**"). **Therefore, the Rebate Period will always be eighteen (18) months less than the Facility Tenure.** For example, a 60-month Facility has a Rebate Period of forty-two (42) months.
7. An example of the monthly instalment payable for an approved Facility amount of Ringgit Malaysia Five Thousand (RM5,000) with a Facility Tenure of five (5) years with applicable Rebate of 50% is illustrated in Table 4 and Table 5 below:

Table 4

Approved Facility Amount*	Facility Tenure (Years)	Flat Interest/Profit Rate (per annum) on Approved Facility Amount	Total Interest/Profit Payable over Facility Tenure	Monthly Instalment during Non-Rebate Period**
(a)	(b)	(c)	(d) = a x b x c	(e) = (a + d) / (b x 12)
RM5,000	5	10.00% p.a.	RM2,500	RM125

*0.50% of the Approved Facility Amount will be deducted from the Facility for disbursement for stamp duty payable on the Facility.

**Instalment will be rounded up to the nearest RM5.

Table 5

50% Rebate on Total Interest/Profit Payable over Facility Tenure	Monthly Rebate receivable over Rebate Period	Monthly Instalment after Rebate during Rebate Period (rounded to nearest RM5)
(a)	(b) = (a) / Rebate Period	(c) = Monthly Instalment - (b)

$\text{RM2,500} \times 50\%$ $= \text{RM1,250}$	$\text{RM1,250} / 42 \text{ months}$ $= \text{RM29}^{***}$	$\text{RM125} - \text{RM29}$ $= \text{RM96}$
---	--	--

*** Monthly rebate will be credited into your account monthly during the Rebate period and will be rounded down to the nearest RM1. Any adjustments due to rounding will be reflected towards the end of the Rebate Period and Normal Period.

Visual illustration of monthly instalments payable for an approved Facility amount of RM5,000 taken over a tenure of 5 years with applicable Rebate of 50% throughout the Facility tenure:



Note: The Rebate Period is indicated by the blue shaded area.

8. Qualified Customers who are entitled to receive the Rebate will be notified by the Bank on the thirteenth (13th) month of their Facility Tenure, based on the last updated mailing addresses provided by the Qualified Customers as captured in the Bank's record.
9. For the avoidance of doubt, the monthly Rebate credited into the Qualified Customers' Facility account during the Rebate Period as per Clause 6 above will be treated as advance payment of the monthly instalment and as such, the monthly instalment payable by the Qualified Customers shall be after deduction of the Rebate amount. The Qualified Customer may contact the Bank for information on the monthly instalment payable. It is the Qualified Customers' responsibility to notify the Bank in writing no later than one (1) month from the due date of the thirteenth (13th) monthly instalment and/or the subsequent months thereafter in the event of non-receipt of the respective monthly Rebate, failing which, the Qualified Customers are deemed to have received the monthly Rebate from the Bank.
10. The Qualified Customers' eligibility for the Rebate will be disqualified and subsequent Rebate payments will be immediately terminated upon the occurrence of any of the following events:
 - (a) the Qualified Customers fail to pay any monthly instalment of the Facility by the due date, or such other sums owing under and pursuant to the Facility when demanded by the Bank;
 - (b) early settlement notice is given by the Qualified Customers prior to the maturity of the Facility Tenure; or
 - (c) the Qualified Customers have committed or are suspected of committing any fraudulent or wrongful acts in relation to the use of the Facility.

GENERAL

11. By participating in the Promotion, the Eligible Customers hereby:

- (i) confirm they have read, understood and agreed to be bound by the T&Cs herein and the HLB Personal Loan Terms and Conditions and/or HLISB Personal Financing-i Terms and Conditions, as applicable;
 - (ii) confirm they have read, understood and agreed to be bound by the [Bank's Privacy Notice](#) available at www.hlb.com.my and www.hlisb.com.my ;
 - (iii) agree to access the Promotion Website at regular intervals to view the T&Cs and to keep up-to-date on any changes or variations to the T&Cs;
 - (iv) agree to furnish all the relevant documents as may be requested by the Bank in a timely manner to enable approval and disbursement of the Facility by 31 July 2026. If the Eligible Customers are unable to furnish the relevant documents in a timely manner, the Bank shall not be responsible in the event the Facility cannot be disbursed by 31 July 2026;
 - (v) agree that the decision by the Bank on all matters relating to the Promotion (including but not limited to the approval of the Facility and/or the amount approved for the Facility) shall be final, conclusive and binding on all the Eligible Customers; and
 - (vi) agree that they shall be liable and shall personally bear all applicable taxes, government fees or any other charges that may be levied against them under applicable laws, if any, in relation to their participation in the Promotion.
12. The Bank reserves the right to:
- (i) reject any unqualified Facility application submitted;
 - (ii) disqualify any Customers for non-compliance of the T&Cs herein from participating in the Promotion; and
 - (iii) add, delete, suspend or vary the T&Cs contained herein, wholly or partially, or to suspend or terminate the Promotion at its discretion, by giving twenty-one (21) days prior notice before any changes take effect to the Customers by way of posting on the Bank's Websites or in any other manner which the Bank deems practical.
13. The T&Cs herein, [HLB Personal Loan Terms and Conditions](#) and [HLISB Personal Financing-i Terms and Conditions](#) shall be read together as an entire agreement. In the event of any discrepancies between the T&Cs of this Promotion and the HLB Personal Loan Terms and Conditions or HLISB Personal Financing-i Terms and Conditions, as the case may be, the specific T&Cs herein shall prevail to the extent of such discrepancies.
14. In the event of any discrepancies between the T&Cs herein as compared to the advertising, promotional, publicity and other materials relating to or in connection with the Promotion, the final terms and conditions on the Promotion Website shall prevail.
15. The T&Cs herein shall be governed by and construed in accordance with the laws of Malaysia and the Customers agree to submit to the exclusive jurisdiction of the Courts of Malaysia.
16. Words denoting one gender include all other genders and words denoting the singular include the plural and vice versa.



Member of Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (“**PIDM**”). CASA/CASA-i Products are protected by PIDM up to RM250,000 for each depositor (refer to [Products Eligible for PIDM Protection](#)).

If you have any enquiries regarding these T&Cs, you may seek clarification from our staff who attended to you. Alternatively, please email us at hlonline@hlbb.hongleong.com.my or call 03-7626 8899.

PINJAMAN PERIBADI/PEMBIAYAAN PERIBADI-i: PROMOSI HLB@Work 2025/2026

Kemas kini terakhir 31 Julai 2025 ([English Version](#))

TEMPOH PROMOSI

"Pinjaman Peribadi/Pembiayaan Peribadi-i: Promosi HLB@Work 2025/2026" ("**Promosi**") Hong Leong Bank Berhad (193401000023 (97141-X)) ("**HLB**") dan Hong Leong Islamic Bank Berhad (2005501009144 (686191-W)) ("**HLISB**") (secara kolektif dirujuk sebagai "**Bank**") bermula pada 31 Julai 2025 dan tamat pada 30 Jun 2026, ("**Tempoh Promosi**") kecuali dimaklumkan sebaliknya.

TERMA & SYARAT

Berikut adalah terma dan syarat yang terpakai ke atas Promosi ini ("**T&S**"):

KELAYAKAN

1. Promosi ini terbuka kepada semua individu warganegara Malaysia yang merupakan pemegang akaun Bank sedia ada dan baharu ("**Pelanggan**") yang memenuhi kriteria kelayakan yang berikut:
 - (a) Berumur antara 21 – 60 tahun;
 - (b) Bekerja bergaji dengan pendapatan minimum Ringgit Malaysia Dua Puluh Empat Ribu (RM24,000) setahun;
 - (c) Tidak mempunyai sebarang baki tunggakan atas mana-mana Pinjaman Peribadi HLB dan/atau Pembiayaan Peribadi-i HLISB sedia ada sebelum Tempoh Promosi (terpakai kepada Pelanggan sedia ada sahaja);
 - (d) Menerima jemputan melalui *E-direct mailer* ("**EDM**") dan/atau dijemput oleh mana-mana kakitangan Bank ("**Kakitangan**") untuk menyertai Promosi ini;
 - (e) Pelanggan yang mendaftar dalam program HLB@Work; dan
 - (f) Dengan bukti pengkreditan gaji tiga (3) bulan berturut-turut ke Akaun HLB Pay&Save atau Akaun HLISB Pay&Save-i yang ditunjukkan dalam penyata bank mereka.
2. Berikut **TIDAK** layak untuk menyertai Promosi:
 - (a) Pelanggan yang telah melakukan atau disyaki melakukan sebarang penipuan, perbuatan atau kesalahan di sisi undang-undang yang berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberikan oleh pihak Bank atau Pelanggan yang telah diisytiharkan muflis atau tertakluk pada sebarang prosiding kemuflihan pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Promosi;
 - (b) Pelanggan yang telah dikenal pasti oleh pihak Bank sebagai mempunyai potensi untuk melakukan sebarang kesalahan yang dinyatakan di dalam T&S;
 - (c) Kakitangan tetap dan kakitangan kontrak dengan pihak Bank; dan
 - (d) Pelanggan yang mempunyai lebih daripada satu Kemudahan (definisi seperti di dalam Jadual 1 di bawah) sedia ada dengan pihak Bank.

MEKANIK PROMOSI

3. Untuk menyertai Promosi ini, Pelanggan dikehendaki memenuhi terma yang berikut sepanjang Tempoh Promosi:
- (a) Memohon salah satu daripada produk Kemudahan berikut dengan Amaun Kemudahan yang ditetapkan dalam Tempoh Kemudahan yang ditetapkan seperti yang tertakluk dalam Jadual 1 di bawah:

Jadual 1

Kemudahan	Amaun Kemudahan*		Tempoh Kemudahan
	Amaun Minimum	Amaun Maksimum	
Pinjaman Peribadi HLB	RM5,000	RM250,000	2 hingga 5 tahun
Pembiayaan Peribadi-i HLISB	RM5,000	RM150,000	

*Untuk mengelakkan sebarang keraguan, amaun Kemudahan diluluskan tidak semestinya sama dengan amaun Kemudahan yang dimohon oleh Pelanggan.

Untuk tujuan Promosi ini, Pinjaman Peribadi HLB dan Pembiayaan Peribadi-i HLISB secara kolektifnya dikenali sebagai “**Kemudahan**”.

- (b) Permohonan untuk Kemudahan dihantar melalui salah satu saluran permohonan seperti yang dinyatakan dalam Jadual 2 di bawah:

Jadual 2

Saluran Permohonan	Platform
Luar Talian	Cawangan Bank, Jualan Melalui Telefon
Dalam Talian	Laman Web Promosi HLB di www.hlb.com.my/plpayroll (“ Laman Web Promosi ”)

Untuk tujuan Promosi ini, Pelanggan yang telah memenuhi semua kriteria di bawah Klaus 3 di atas akan dirujuk sebagai “**Pelanggan Layak**”.

Kadar Faedah/Keuntungan Rata dan Rebat Bayar-Tepat-Pada-Masa atas Jumlah Faedah/Keuntungan untuk Kemudahan**A) Kadar Faedah/Keuntungan Rata atas Jumlah Faedah/Keuntungan untuk Kemudahan**

4. Pelanggan Layak yang memohon untuk Kemudahan yang telah diluluskan dan dikeluarkan sebelum/pada 31 Julai 2026 layak untuk menikmati **Kadar Faedah/Keuntungan Rata** seperti yang tertera di Jadual 3 di bawah.

Jadual 3

Kadar Faedah/ Keuntungan Rata	Rebat Bayar-Tepat-Masa atas Jumlah Faedah/Keuntungan	Tempoh Kemudahan
10.00% setahun	50%	2 hingga 5 tahun

Nota: Kadar faedah/keuntungan efektif yang terpakai kepada kadar faedah/keuntungan rata 10.00% setahun berbeza dari 18.71% setahun hingga 19.75% setahun bergantung kepada tempoh pinjaman/pembiayaan-i dari 2 – 5 tahun.

Untuk mengelakkan sebarang keraguan, Pelanggan Layak akan dimaklumkan oleh pihak Bank melalui emel mengenai kelayakan untuk menikmati Kadar Faedah/Keuntungan Rata selepas permohonan telah diluluskan.

B) Rebat Bayar-Tepat-Pada Masa atas Jumlah Faedah/Keuntungan untuk Kemudahan

- Pelanggan Layak yang memenuhi Klausa 3 and 4 di atas dan membayar ansuran bulanan Kemudahan pada/sebelum tarikh matang setiap bulan semasa Tempoh Kemudahan ("**Pelanggan Memenuhi Syarat**") akan layak menerima Rebat Bayar-Tepat-Masa di atas jumlah kadar faedah/keuntungan yang perlu dibayar ("**Rebat**") seperti mana yang dinyatakan dalam Jadual 3 di atas.
- Rebat akan dikreditkan ke dalam akaun Kemudahan Pelanggan Memenuhi Syarat setiap bulan selepas tarikh matang ansuran bulanan bulan ketiga belas (13) dan bulan-bulan berikutnya sehingga bulan keenam (6) sebelum ansuran terakhir Kemudahan ("**Tempoh Rebat**"). **Oleh itu, Tempoh Rebat akan sentiasa lapan belas (18) bulan kurang daripada Tempoh Kemudahan.** Sebagai contoh, Kemudahan enam puluh (60) bulan mempunyai Tempoh Rebat selama empat puluh dua (42) bulan.
- Contoh ansuran bulanan yang perlu dibayar untuk amaun Kemudahan yang diluluskan sebanyak Ringgit Malaysia Lima Ribu (RM5,000) yang diambil untuk Tempoh Kemudahan lima (5) tahun yang layak menerima Rebat 50% adalah seperti yang diilustrasikan dalam Jadual 4 dan Jadual 5 di bawah:

Jadual 4

Amaun Kemudahan yang Diluluskan*	Tempoh Kemudahan (Tahun)	Kadar Faedah/ Keuntungan Rata (setahun) atas Amaun Kemudahan Diluluskan	Jumlah Faedah/ Keuntungan Yang Perlu Dibayar sepanjang Tempoh Kemudahan	Ansuran Bulanan semasa Tempoh Tanpa Rebat**
(a)	(b)	(c)	(d) = a x b x c	(e) = (a + d) /

				(b x 12)
RM5,000	5	10.00% setahun	RM2,500	RM125

*0.50% daripada Amaun Kemudahan Diluluskan akan ditolak daripada Kemudahan semasa penyaluran untuk duti setem yang perlu dibayar atas Kemudahan tersebut.

**Ansuran akan dibundarkan ke atas kepada RM5 terdekat.

Jadual 5

Rebat 50% atas Jumlah Faedah/Keuntungan yang Perlu Dibayar Sepanjang Tempoh Kemudahan	Rebat Bulanan yang akan diterima sepanjang Tempoh Rebat	Ansuran bulanan selepas Rebat semasa Tempoh Rebat (dibundarkan kepada RM5 terdekat)
(a)	(b) = (a) / Tempoh Rebat	(c) = Ansuran Bulanan - (b)
RM2,500 x 50% = RM1,250	RM1,250 / 42 bulan = RM29***	RM125 - RM29 = RM96

***Rebat bulanan akan dikreditkan ke dalam akaun anda setiap bulan semasa tempoh Rebat dan akan dibundarkan ke bawah kepada RM1 terdekat. Sebarang pelarasan yang dikaitkan dengan pembundaran akan ditunjukkan di hujung Tempoh Rebat dan Tempoh Biasa.

Gambaran visual ansuran bulanan yang perlu dibayar untuk amaun Kemudahan yang diluluskan sebanyak RM5,000 yang diambil sepanjang tempoh 5 tahun dengan Rebat 50% sepanjang tempoh Kemudahan:



Nota: Tempoh Rebat diwakili oleh kawasan yang berwarna biru.

- Pelanggan Memenuhi Syarat yang layak menerima Rebat akan dimaklumkan oleh pihak Bank pada bulan ketiga belas (13) Tempoh Kemudahan, berdasarkan alamat terkini yang diberikan oleh Pelanggan Memenuhi Syarat seperti yang terdapat di dalam rekod pihak Bank.
- Untuk mengelakkan sebarang keraguan, Rebat bulanan yang dikreditkan ke dalam akaun Kemudahan Pelanggan Memenuhi Syarat semasa Tempoh Rebat seperti yang tertera dalam Klausula 6 di atas akan dianggap sebagai bayaran pendahuluan atas ansuran bulanan. Sehubungan itu, ansuran bulanan yang perlu dibayar oleh Pelanggan Memenuhi Syarat adalah selepas potongan amaun Rebat. Pelanggan Memenuhi Syarat boleh menghubungi pihak Bank untuk mendapatkan maklumat mengenai ansuran bulanan yang perlu dibayar. Pelanggan Memenuhi Syarat bertanggungjawab untuk memaklumkan kepada pihak Bank secara bertulis

selewat-lewatnya satu (1) bulan dari tarikh matang ansuran bulanan bulan ketiga belas (13) dan/atau bulan-bulan berikutnya jika tidak menerima Rebat bulanan. Sekiranya gagal berbuat demikian, Pelanggan Memenuhi Syarat akan dianggap sebagai telah menerima Rebat bulanan tersebut daripada pihak Bank.

10. Kelayakan Pelanggan Memenuhi Syarat untuk menerima Rebat akan dibatalkan dan bayaran Rebat berikutnya akan dihentikan segera sekiranya salah satu daripada situasi yang berikut berlaku:
- (a) Pelanggan Memenuhi Syarat gagal membayar sebarang ansuran bulanan untuk Kemudahan sebelum/pada tarikh matang atau mana-mana jumlah lain yang dihutang di bawah dan berkaitan dengan Kemudahan apabila diminta oleh pihak Bank;
 - (b) notis penyelesaian awal diberi oleh Pelanggan Memenuhi Syarat sebelum tarikh matang Tempoh Kemudahan; atau
 - (c) Pelanggan Memenuhi Syarat telah melakukan atau disyaki melakukan sebarang penipuan atau kesalahan yang berkaitan dengan penggunaan Kemudahan.

UMUM

11. Dengan menyertai Promosi ini, Pelanggan Layak dengan ini:
- (i) mengesahkan bahawa telah membaca, memahami dan bersetuju untuk diikat oleh T&S yang tertakluk di sini dan Terma dan Syarat Pinjaman Peribadi HLB dan Terma dan Syarat Pembiayaan Peribadi-i HLISB, mana yang berkenaan;
 - (ii) mengesahkan bahawa telah membaca, memahami dan bersetuju untuk diikat oleh [Notis Privasi Bank](#) yang boleh didapati di www.hlb.com.my dan www.hlisb.com.my;
 - (iv) bersetuju untuk melayari Laman Web Promosi pada selang masa yang kerap untuk membaca T&S dan untuk mengikut sebarang perubahan atau perbezaan kepada T&S;
 - (v) bersetuju menyediakan semua dokumen berkaitan yang mungkin diminta oleh pihak Bank tepat pada masanya supaya Kemudahan dapat diluluskan dan dikeluarkan sebelum/pada 31 Julai 2026. Sekiranya Pelanggan Layak tidak membekalkan semua dokumen berkaitan tepat pada waktunya, pihak Bank tidak akan bertanggungjawab jika Kemudahan tidak dapat dikeluarkan sebelum/pada 31 Julai 2026;
 - (vi) bersetuju bahawa keputusan pihak Bank dalam semua perkara berkaitan Promosi (termasuk tetapi tidak terhad kepada kelulusan Kemudahan dan/atau amaun Kemudahan diluluskan) adalah muktamad dan mengikat atas semua Pelanggan Layak; dan
 - (vii) bersetuju akan bertanggungjawab dan secara peribadi akan menanggung semua cukai yang dikenakan, fi kerajaan atau sebarang caj lain yang boleh dikenakan berdasarkan undang-undang yang berkenaan, jika ada, berkaitan dengan penyertaan mereka dalam Promosi.
12. Pihak Bank berhak untuk:
- (i) menolak mana-mana permohonan Kemudahan yang diterima;
 - (ii) membatalkan kelayakan mana-mana Pelanggan daripada menyertai Promosi ini sebagai akibat ketidakpatuhan kepada T&S yang terdapat di sini; dan

- (iii) menambah, memadam, menggantung atau meminda T&S yang terdapat di sini, sama ada sepenuhnya atau sebahagiannya, atau menamatkan Promosi ini dengan memberi notis awal dua puluh satu (21) hari kepada Pelanggan dengan cara memaparkannya di Laman Web Bank, atau menggunakan sebarang kaedah lain yang dianggap sesuai oleh pihak Bank.
13. T&S yang terkandung di sini, [Terma dan Syarat Pinjaman Peribadi HLB](#) dan [Terma dan Syarat Pembiayaan Peribadi-i HLISB](#) hendaklah dibaca sebagai perjanjian menyeluruh. Sekiranya terdapat percanggahan di antara T&S Promosi ini dengan Terma dan Syarat Pinjaman Peribadi HLB atau Terma dan Syarat Pembiayaan Peribadi-i HLISB, T&S ini akan diguna pakai setakat percanggahan tersebut.
14. Sekiranya terdapat percanggahan di antara T&S di sini berbanding sebarang bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan sebarang bahan lain yang berkaitan dengan atau mengenai Promosi ini, T&S muktamad di Laman Web Promosi akan diguna pakai.
15. T&S yang terkandung di sini dikawal selia oleh dan ditafsirkan berdasarkan undang-undang Malaysia dan Pelanggan bersetuju untuk berserah kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.
16. Perkataan yang menggambarkan satu jantina termasuk semua jantina dan kata-kata lain yang menandakan tunggal termasuk jamak dan sebaliknya.

Ahli Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("**PIDM**"). Produk-produk CASA/CASA-i dilindungi oleh PIDM setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit (rujuk [Produk Layak untuk Perlindungan oleh PIDM](#)).

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan berkenaan dengan T&S ini, anda boleh mendapatkan penjelasan daripada kakitangan kami. Sebagai alternatif, sila hubungi kami melalui e-mel di hlonline@hlbb.hongleong.com.my atau telefon di 03-76268899.